

## BAB SATU

### Pengenalan: Latar Belakang, Masalah, dan Tujuan Kajian

Tumpuan sistem pendidikan negara Malaysia pada hari ini terhadap kemahiran bersifir, semakin hari semakin menonjol. Ini jelas dilihat melalui berbagai kursus kemahiran bersifir yang diadakan untuk guru sekolah dan penerapan Kursus Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis ke dalam Sukatan Diploma Perguruan (1996). Salah satu objektif Kursus Pengajian Melayu Diploma Perguruan Malaysia (1996) misalnya, ialah untuk melahirkan guru Bahasa Melayu yang dapat meyebatikan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar dalam proses pengajaran dan pemelajaran.

Perkembangan pesat teknologi maklumat telah menyebabkan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar ditekankan dalam sukanan tersebut. Ledakan maklumat memerlukan seseorang murid itu cepat dan cekap mencari, memilih, dan menyaring maklumat. Ini bererti kecekapan memahami apa yang dibaca, adalah penting bagi mana-mana murid dalam milenium ini. Perkara yang sama pernah disuarakan oleh Phillips (1996). Menurut beliau,

Understanding is the consequence of thinking and if children are taught to think about the content they are learning, then understanding is greatly enhanced which would result in higher academic performance. (hlm. 9)

Sesuai dengan tuntutan keperluan masa kini, program membaca yang benar-benar diperlukan bukan hanya setakat dapat menampung keperluan semasa murid, tetapi berupaya menyediakan kemahiran yang membolehkan mereka menghadapi realiti kehidupan hari ini dan masa depan. Justeru, kesedaran murid terhadap apa yang mereka lakukan semasa membaca adalah penting. Kesedaran murid dan keupayaan mereka mengawal pemikiran mereka sendiri menurut Flavell,

(1979) dan Baker dan Brown (1984), terangkum dalam bidang metakognisi.

Metakognisi mengikut pandangan Flavell (1979, 1981), ialah pengetahuan seseorang tentang proses kognitif dan apa sahaja hasil yang berkaitan dengannya. Manakala Baker dan Brown (1984) pula, mentakrifkan metakognisi sebagai pengetahuan dan kawalan terhadap pemikiran serta aktiviti pembelajaran. Pembaca yang mempunyai pengetahuan metakognitif yang tinggi, lazimnya tahu bilakah mereka telah saham atau tidak saham semasa membaca. Ringkasnya, pemahaman yang cekap mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap tindak-tanduk proses bacaan yang sedang mereka jalani. Kesedaran itu pula, membantu pembaca memilih strategi yang sesuai dan seterusnya memahami apa yang mereka baca. Umpamanya, pembaca yang menghadapi masalah tidak memahami sesuatu perkataan yang baru dijumpainya, boleh memilih sama ada untuk meneruskan bacaan tanpa menghiraukan perkataan tersebut, ataupun menggunakan bantuan sumber luar seperti merujuk kamus atau bertanya kepada orang yang tahu.

Sekiranya pembaca sedar tentang apa yang perlu dilakukan secara berkesan, sudah tentu pembaca tersebut dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai mengikut kehendak situasi pembelajaran. Oleh itu, lebih sedar seseorang pembaca terhadap tahap pemahamannya, lebih cekap dan lebih kerap pula mereka menggunakan strategi metakognitif. Lantaran itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti kesedaran pembaca terhadap strategi yang mereka gunakan semasa membaca dengan harapan ia dapat menambahkan lagi kesedaran dan pengetahuan kepada pihak yang terlibat dalam usaha untuk meningkatkan pelajar yang berdikari dalam pemelajarannya.

## Penyataan Masalah

Membaca merupakan kemahiran berbahasa yang ditekankan sebaik sahaja kanak-kanak memasuki alam persekolahan. Kejayaan akademik seseorang murid yang seterusnya, banyak bergantung kepada bukan sahaja kebolehan mereka mengenali dan menyebut perkataan yang tercetak, tetapi juga bergantung kepada kebolehan memahami perkataan tersebut. Kebolehan membaca untuk pemahaman ini, jelas ketara keperluannya pada tahap dua persekolahan. Ini adalah kerana apabila memasuki tahap dua, pengajaran membaca lebih tertumpu kepada membaca untuk belajar. Pada tahap tersebut juga, murid mula mengenali pelbagai mata pelajaran yang lain, seperti Sains, Geografi, dan Sejarah.

Kebolehan memahami bahan bacaan dalam kesemua mata pelajaran tersebut, memerlukan kecekapan murid menggunakan strategi yang berkesan. Murid yang memiliki kebolehan membaca dan memahami bahan yang mereka baca, akan terus maju ke hadapan sedangkan yang kurang cekap akan ketinggalan di belakang. Justeru, memahami bahan yang dibaca adalah penting bagi mana-mana murid yang hendak mencapai kejayaan dalam bidang akademik.

Penekanan terhadap pemahaman bacaan ini, jelas tersurat di dalam **Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah (1995)**. Antara lain, tujuan program bacaan pada tahap dua sekolah rendah, ialah untuk “...membolehkan murid memahami dan menaakul bahan yang mereka baca....” (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, 1995: hlm. 5). Selain itu, rancangan bacaan untuk tahap dua juga menitikberatkan “...kemahiran belajar seperti kemahiran untuk mendapat dan mengumpul isi-isi penting, dan menggunakan cara-cara tertentu bagi memperoleh pengetahuan....” (Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun Lima, 1990: hlm. 3). Dengan perkataan lain, pada tahap dua persekolahan, murid sudah pun terdedah kepada strategi bacaan seperti

mencari isi penting, mengenal struktur teks, menggunakan bantuan yang terdapat dalam bahan bacaan itu sendiri, merujuk kepada sumber luar, dan membuat rumusan dalam perkataan sendiri. Tujuan penggunaan strategi tersebut adalah tidak lain dan tidak bukan untuk membantu murid memahami bahan yang mereka baca.

Walaupun kemahiran membaca untuk belajar itu penting, namun kajian Zalizan Mohd. Jelas dan Khadijah Rohani Mohd. Yunus (dipetik oleh Zalizan Mohd. Jelas daripada Halimah Badioze Zaman & Jamaliah Mohd. Ali, 1994), menunjukkan bahawa 62.7% kanak-kanak yang mengalami masalah pemelajaran adalah kerana sudah boleh membaca tetapi secara terhad manakala hanya 31.5% sahaja yang tidak boleh membaca langsung. Ini bererti, 62.7% kanak-kanak itu sudah pun boleh membaca tetapi menghadapi masalah memahami bahan yang mereka baca. Pendek kata, peratusan kanak-kanak yang menghadapi masalah pemahaman adalah 31.2% jauh lebih ramai daripada kanak-kanak yang tidak boleh membaca langsung. Masalah memahami bahan yang dibaca itu akan berterusan ke tahap dua persekolahan dan seterusnya ke sekolah menengah sekiranya dibiarkan. Justeru, kajian dalam bidang pemahaman bacaan ini sesuai dijalankan pada tahap dua sekolah rendah.

Masalah pemahaman yang murid hadapi itu boleh dikaitkan dengan kekurangan kesedaran murid terhadap strategi berkesan yang boleh mereka gunakan bagi meningkatkan tahap pemahaman. Tambahan pula, guru tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang apa yang murid lalui dan alami semasa membaca. Oleh yang demikian, guru tidak dapat membantu murid dengan baik bagi membentuk pembaca yang tahu tentang apa, bila, dan bagaimana mereka boleh menjadi pemaham yang cekap. Fenomena seperti ini adalah terangkum dalam bidang metakognisi.

Ekoran daripada masalah tersebut, ramai penulis dan pengkaji di Malaysia

yang cuba mengkaji keberkesanan sesuatu strategi dalam bidang pemahaman bacaan (Melina Wong, 1990; M. Muthusamy, 1994; Teoh Swee Ai, 1996). Kajian tersebut walaupun dapat memberikan gambaran tentang keberkesanan sesuatu strategi, tetapi dari segi realitinya ia tidak dapat menjelaskan tentang strategi apakah yang murid sendiri gunakan dan sejauh manakah mereka sedar tentang penggunaan strategi tersebut, di dalam suasana bilik darjah yang sebenar. Lagipun kajian seperti itu menurut Roehler dan Duffy (1991),

Is conducted under pseudoclassroom conditions that short-circuit the naturally occurring events of real classroom life, thereby making it very difficult to determine that its findings can be generalised to real teachers in real classroom. (hlm. 878)

Lantas, pengetahuan sebenar tentang strategi yang murid gunakan semasa membaca, khususnya di negara ini, adalah masih berkurangan.

Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti apa yang berlaku di dalam diri pembaca apabila mereka sedang melalui proses pemahaman bacaan di dalam bilik darjah. Huraian tentang bentuk strategi yang murid gunakan untuk memahamkan sesuatu bahan bacaan dan kesedaran murid tentang penggunaan strategi tersebut, akan dapat meningkatkan kepekaan guru terhadap kehendak pengajaran-pemelajaran pemahaman bacaan di dalam bilik darjah.

### Tujuan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mendapatkan jawapan bagi soalan yang berkaitan dengan penggunaan strategi metakognitif dua orang murid tahap dua sekolah rendah, dalam usaha mereka memahamkan sesuatu bahan bacaan. Ringkasnya, kajian ini mempunyai dua tujuan utama, iaitu untuk mengkaji bentuk strategi pemahaman bacaan yang murid sekolah rendah gunakan semasa membaca dan meneliti kesedaran murid terhadap penggunaan strategi tersebut.

Selaras dengan itu, kajian ini cuba untuk menerapkan idea yang dibawa oleh pendokong teori metakognitif (Flavell, 1979; Baker & Brown, 1984) yang menyatakan bahawa kesedaran metakognitif yang tinggi dapat membantu pembaca menjadi pemaham yang cekap. Pembaca yang cekap juga dikatakan menyedari tentang kewujudan pelbagai bentuk strategi pemahaman bacaan dan dapat memilih serta menggunakan strategi tersebut secara anjal.

Lantaran itu, kajian ini akan mengkaji dan menghuraikan penggunaan strategi dua orang murid sekolah rendah semasa melalui proses pemahaman bacaan di dalam situasi bilik darjah yang sebenar. Secara khususnya, kajian ini akan meneliti dan mencari jawapan bagi soalan yang berikut:

### Soalan Kajian

- (i) Apakah bentuk strategi yang murid sekolah rendah gunakan dalam proses pemahaman bacaan?
- (ii) Sejauh manakah murid menyedari tentang kewujudan dan penggunaan strategi tersebut?

### Kepentingan Kajian

Masalah membaca di Malaysia pada hari ini, bukan lagi tertumpu kepada buta huruf tetapi telah beralih kepada masalah tidak memahami apa yang dibaca, sedangkan memahami bahan yang dibaca itu merupakan wahana kejayaan seseorang murid. Pemaham yang cekap lazimnya, akan dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik dan seterusnya maju, baik di dalam bidang akademik mereka, mahupun di dalam arena pekerjaan apabila mereka tamat persekolahan nanti.

Lagi cepat masalah pemahaman yang kurang cekap itu disedari, lebih cepat pula langkah yang sesuai boleh diambil. Hal ini adalah kerana "...The longer a reading problem goes undetected, the more difficult it will be to remedy. Thus, the emphasis is on early detection of reading difficulty...." (Johnston, 1985: hlm. 174). Oleh yang demikian, sebaiknya kajian dalam bidang pemahaman bacaan ini dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah lagi dan tempat yang sesuai bagi menjalankan kajian ini ialah di dalam bilik darjah, iaitu semasa murid sedang belajar. Dengan cara itu, gambaran tentang apa yang berlaku dalam bilik darjah boleh diterokai.

Di samping itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi asas yang kukuh kepada pihak penggubal dasar untuk menyesuaikan dasar mereka dengan kehendak keadaan semasa. Ia juga diharapkan dapat membantu pihak pendidikan negeri dan pentadbir sekolah, merancang dan menyediakan kursus, terutamanya bagi guru Bahasa Melayu, agar mereka dapat menyesuaikan bentuk pengajaran mereka dengan tujuan pengajaran membaca yang sebenar.

Tambahan pula, pengetahuan tentang strategi pemahaman bacaan dapat membantu guru menjalankan bimbingan yang berkesan. Ini adalah kerana, strategi metakognitif bukan sesuatu yang tidak boleh dipelajari dan ditingkatkan. Kajian Paris, Saarnio, dan Cross (1986), Tierney, Readence, dan Dishner (1995), dan penulisan Safiah Osman (1997) menunjukkan bahawa pencapaian pemahaman yang kurang cekap dapat ditingkatkan dengan cara mendedahkan pembaca kepada penggunaan strategi metakognitif seperti penyuaraan pemikiran, pengajaran resiprokal, dan melalui arahan pengajaran yang terancang. Setakat ini, program pemulihan pemahaman bacaan di sekolah-sekolah dalam negara ini, masih belum dijalankan lagi dan pemulihan hanya dijalankan pada peringkat mengenal huruf

sahaja. Lantaran itu, jurang perbezaan antara pemahaman yang cekap dengan yang kurang cekap, tidak dapat dikurangkan.

Lagipun, oleh kerana bahasa Melayu merentasi kurikulum, dapatan kajian ini nanti boleh digunakan dalam mata pelajaran yang lain. Ini adalah kerana pemahaman bacaan menurut Cohen (1990), dapat membantu mencepatkan pemelajaran. Dengan itu, sebaiknya kajian yang mengkaji tentang penggunaan strategi metakognitif murid sekolah rendah dilaksanakan semasa pengajaran-pemelajaran kemahiran pemahaman bacaan sedang berjalan di dalam bilik darjah.

### **Batasan Kajian**

Sebagaimana yang telah dinyatakan, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji penggunaan strategi dua orang murid sekolah rendah semasa membaca. Oleh itu, dapatan kajian ini adalah berdasarkan dua orang murid itu sahaja. Memandangkan jumlah peserta yang kecil, dapatan kajian ini tidak boleh dijadikan petunjuk tentang penggunaan strategi semasa membaca bagi semua murid sekolah rendah di Malaysia secara umum.

Tambahan pula, tujuan utama kajian ini ialah untuk meneliti strategi yang pembaca gunakan semasa membaca dan kesedaran mereka tentang strategi yang mereka gunakan itu. Lantaran itu, perbezaan yang lain, seperti perbezaan yang disebabkan oleh faktor jantina, ras, atau status sosio-ekonomi, tidak akan diambil kira.

Selain itu, pengkaji juga memilih untuk meneliti strategi metakognitif pemahaman bacaan dua orang murid tahun lima yang diajar oleh seorang guru Bahasa Melayu. Justeru, dapatan kajian ini adalah terhad kepada murid tahun lima sahaja dan perbezaan bentuk pengajaran guru, tidak akan diteliti.

Tempoh masa kajian ini dilakukan, ialah selama dua bulan. Dalam tempoh tersebut, pengkaji mengutip data sambil menjalinkan hubungan dengan peserta kajian dan persekitarannya. Lantas segala tanggapan yang dibuat dalam kajian ini adalah berlandaskan tempoh masa tersebut.

Ringkasnya, bab satu ini telah mengutarakan aspek latar belakang, masalah, tujuan, kepentingan, dan batasan kajian sebagai pembuka jalan, di samping menentukan haluan dan arah tuju kepada bab-bab yang selanjutnya.

Menyusuli bab ini, ialah bab kedua yang akan membuat tinjauan terhadap penulisan dan kajian lalu dalam bidang yang berkaitan. Bab ketiga pula tertumpu kepada aspek pengutipan dan pencerakinan data. Menyusuli itu ialah bab keempat yang akan membentangkan hasil penemuan kajian ini. Sebagai penutup kajian, bab kelima pula akan membentangkan aspek perbincangan, implikasi dan cadangan kajian.